



Utusan khas PLO temui PM

DATUK Seri Dr. Mahathir Mohamad menerima kunjungan utusan khas Pengerusi Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO), Encik Ali Fayad di bangunan Parlimen, Kuala Lumpur semalam.

Encik Fayad berada di negara ini dengan membawa perutusan khas dari pemimpin PLO, Encik Yasser Arafat untuk Perdana Menteri.

Bellau juga memberi taklimat kepada Datuk Seri Dr. Mahathir dan kerajaannya mengenai keadaan terbaru di Lebanon.

Dalam perutusannya, Encik Arafat mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana sokongan kuatnya terhadap perjuangan rakyat Palestin.